

Minda Pengarang

BT 8/11/19 M/S 10

Gunakan RFID sepenuhnya, hapus plaza tol

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) harus melihat penyelesaian teknologi sebelum membuat keputusan menghentikan perkhidmatan tambah nilai kad Touch 'n Go di semua lorong keluar plaza tol miliknya.

Kalau benar-benar mahu menyelesaikan masalah kesesakan, perlu robohkan plaza tol dan buat sistem pembayaran tol secara elektronik menggunakan teknologi (RFID) keseluruhannya.

Sistem RFID yang dimulakan sebagai projek perintis membabitkan lebih 400,000 orang awam di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang, sejak Januari lalu juga perlu diperluaskan bagi menggantikan smart tag.

Negara seperti Australia tidak ada plaza tol pun kerana menggunakan sistem RFID untuk tujuan kutipan tol. Penggunaan teknologi RFID bukan baru di negara maju dan sudah diguna pakai untuk mengutip tol di Amerika Syarikat, Argentina dan Taiwan sebelum Australia.

Mungkin PLUS boleh menjimatkan kos operasi apabila plaza tol diroboh, dan digantikan dengan sistem RFID untuk kutipan tol, sekali gus boleh menangani masalah kesesakan yang dihadapi di plaza tol sekarang berikutan khidmat tambah nilai.